



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA PANDEMIK H1N1 DI MALAYSIA 2010 Bagi Minggu Epid 03/2010 (17 – 23 Januari 2010)**

Dalam tempoh seminggu yang lepas (17 – 23 Januari 2010) seramai 311 pesakit baru dengan simptom *Influenza-Like Illness* (ILI) telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan dan sementara itu 347 kes pula telah discaj keluar. Baki kes ILI yang masih dirawat di seluruh negara pada hari terakhir minggu epid 03/2010 (23 Januari 2010) adalah sebanyak 325 kes di 39 buah hospital kerajaan. Daripada jumlah tersebut, hanya 17 pesakit atau 5.2% merupakan kes Influenza A(H1N1) yang disahkan melalui ujian makmal. Sehingga 23 Januari 2010, jumlah terkumpul kes positif influenza A(H1N1) adalah 12,380. Untuk makluman, terdapat 2 kes H1N1 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi(ICU). Kedua-duanya mempunyai faktor risiko.

Satu (1) kejadian kluster ILI telah dilaporkan di Kem PLKN Chini, Daerah Pekan, Pahang pada 23 Januari tetapi kesemua sampel yang diambil adalah negatif untuk Influenza A(H1N1). Tiada kematian baru kes H1N1 dan jumlah terkumpul kekal 77 sehingga kini.

Penularan jangkitan influenza A(H1N1) masih lagi aktif khususnya di negara-negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara seperti di Eropah Timur dan Selatan, Asia Selatan dan Timur serta Utara Afrika. Sehingga 17 Januari 2010 jumlah kematian akibat jangkitan influenza A(H1N1) di seluruh dunia adalah melebihi 14,142 kes, iaitu meningkat 4.3% berbanding dengan minggu sebelumnya.

Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam kenyataan rasminya pada 22 Januari 2010 ingin menjelaskan bahawa pandemik

influenza yang berlaku di seluruh dunia sekarang adalah benar dan bukan direka-reka. Kenyataan ini dikeluarkan bagi memberi respons kepada sesetengah pihak yang menuduh WHO sengaja 'mereka-reka' kejadian pandemik ini bagi memberi keuntungan ekonomi kepada industri kesihatan dan mereka yang berkepentingan. Justeru, masyarakat di Malaysia juga adalah dinasihatkan agar tidak terpengaruh dengan kenyataan yang disebarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Memandangkan sesi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan persekolahan di semua institusi pada tahun 2010 telah bermula dan melibatkan pergaulan rapat sesama pelatih dan pelajar, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengingatkan pelatih dan juga pihak berkuasa di Kem PLKN serta pelajar di semua institusi seluruh negara agar berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang telahpun terbukti berkesan. Pihak berkuasa di Kem PLKN dan institusi haruslah memastikan pelatih dan pelajar sentiasa berada dalam keadaan sihat serta memantau tahap kesihatan mereka. Sekiranya mengalami tanda-tanda Influenza A(H1N1), mereka perlu dirujuk untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera serta melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran sekiranya berlaku kejadian kluster.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai agar tidak memandang ringan atau mengabaikan langkah-langkah pencegahan Influenza A(H1N1) yang telah diumumkan sebelum ini. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza H1N1 serta langkah-langkah pencegahan boleh memperolehnya melalui laman web <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Januari 2010